

KARYA-KARYA KHALIL GIBRAN (1833-1931)

ANTARA PAGI DAN MALAM HARI

TENANGLAH hatiku, kerana langit tak pun mendengari

Tenanglah, kerana bumi dibebani dengan ratapan kesedihan.

Dia takkan melahirkan melodi dan nyanyianmu.

Tenanglah, kerana roh-roh malam tak menghiraukan bisikan rahsiamu, dan bayang-bayang tak berhenti dihadapan mimpi-mimpi.

Tenanglah, hatiku. Tenanglah hingga fajar tiba, kerana dia yang menanti pagi dengan sabar akan menyambut pagi dengan kekuatan. Dia yang mencintai cahaya, dicintai cahaya.

Tenanglah hatiku, dan dengarkan ucapanku.

DALAM mimpi aku melihat seekor murai menyanyi saat dia terbang di atas kawah gunung berapi yang meletus.

Kulihat sekuntum bunga Lili menyembulkan kelopaknyanya di balik salju.

Kulihat seorang bidadari telanjang menari-menari di antara batu-batu kubur.

Kulihat seorang anak tertawa sambil bermain dengan tengkorak-tengkorak.

Kulihat semua makhluk ini dalam sebuah mimpi. Ketika aku terjaga dan memandang sekelilingku, kulihat gunung berapi memuntahkan nyala api, tapi tak kudengar murai bernyanyi, juga tak kulihat dia terbang.

Kulihat langit menaburkan salju di atas padang dan lembah, dilapisi warna putih mayat dari bunga lili yang membeku.

Kulihat kuburan-kuburan, berderet-

SETITIS AIRMATA DAN SEULAS SENYUMAN

Takkan kutukar dukacita hatiku demi kebahagiaan khalayak. Dan, takkan kutumpahkan air mata kesedihan yang mengalir dari tiap bahagian diriku berubah menjadi gelak tawa. Kuingin diriku tetaplah setitis air mata dan seulas senyuman.

Setitis airmata yang menyucikan hatiku dan memberiku pemahaman rahsia kehidupan dan hal ehwal yang tersembunyi. Seulas senyuman menarikku dekat kepada putera kesayanganku dan menjelma sebuah lambang pemujaan kepada tuhan.

Setitis airmata meyatukanku dengan mereka yang patah hati; Seulas senyum menjadi sebuah tanda kebahagiaanku dalam kewujudan.

Aku merasa lebih baik jika aku mati dalam hasrat dan kerinduan berbanding jika aku hidup menjemukan dan putus asa.

Aku bersedia kelaparan demi cinta dan keindahan yang ada di dasar jiwaku setelah kusaksikan mereka yang dimanjakan amat menyusahkan orang. Telah kudengar keluhan mereka dalam hasrat kerinduan dan itu lebih manis daripada melodi yang termanis.

Ketika malam tiba bunga menguncupkan kelopak dan tidur, memeluk kerinduannya. tatkala pagi menghampiri, ia membuka bibirnya demi menyambut ciuman matahari.

deret, tegak di hadapan zaman-zaman yang tenang. Tapi tak satu pun kulihat di sana yang bergoyang dalam tarian, juga tidak yang tertunduk dalam doa. Saat terjaga, kulihat kesedihan dan kepedihan; ke manakah perginya kegembiraan dan kesenangan impian? Mengapa keindahan mimpi lenyap, dan bagaimana gambaran-gambarannya menghilang? Bagaimana mungkin jiwa tertahan sampai sang tidur membawa kembali roh-roh dari hasrat dan harapannya?

DENGARLAH hatiku, dan dengarlah ucapanku.

Semalam jiwaku adalah sebatang pohon yang kukuh dan tua, menghunjam akar-akarnya ke dasar bumi dan cabang-cabangnya mencekau ke arah yang tak terhingga.

Jiwaku berbunga di musim bunga, memikul buah pada musim panas. Pada musim gugur kukumpulkan buahnya di mangkuk perak dan kuletakkannya di tengah jalan. Orang-orang yang lalu lalang mengambil dan memakannya, serta meneruskan perjalanan mereka.

KALA musim gugur berlalu dan gita pujinya bertukar menjadi lagu kematian dan ratapan, kudapati semua orang telah meninggalkan diriku kecuali satu-satunya buah di talam perak.

Kuambil ia dan memakannya, dan merasakan pahitnya bagai kayu gaharu, masam bak anggur hijau.

Aku berbicara dalam hati, "Bencana bagiku, kerana telah kutempatkan sebetuk laknat di dalam mulut orang-orang itu, dan permusuhan dalam perutnya.

" Apa yang telah kaulakukan, jiwaku, dengan kemanisan akar-akarmu itu yang telah meresap dari usus besar bumi, dengan wangian daun-daunmu

Kehidupan sekuntum bunga sama dengan kerinduan dan pengabulan. Setitis airmata dan seulas senyuman.

Air laut menjadi wap dan naik menjelma menjadi segumpal mega. Awan terapung di atas pergunungan dan lembah ngarai hingga berjumpa angin sepoi bahasa, jatuh bercucuran ke padang-padang lalu bergabung bersama aliran sungai dan kembali ke laut, rumahnya.

Kehidupan awan-gemawan itu adalah sesuatu perpisahan dan pertemuan. Bagai setitis airmata seulas senyuman. Dan, kemudian jiwa jadi terpisahkan dari jiwa yang lebih besar, bergerak di dunia zat melintas bagai segumpal mega diatas pergunungan dukacita dan dataran kebahagiaan.

Menuju samudera cinta dan keindahan - kepada Tuhan.

:+: Khalil Gibran :+:

NASIHAT JIWAKU

Jiwaku berkata padaku dan menasihati agar mencintai semua orang yang membenciku, Dan berteman dengan mereka yang memfitnahku.

Jiwaku menasihati dan mengungkapkan kepadaku bahawa cinta tidak hanya menghargai orang yang mencintai, tetapi juga orang yang dicintai.

Sejak saat itu bagiku cinta ibarat jaring lelabah di antara dua bunga, dekat satu sama lain; Tapi kini dia menjadi suatu lingkaran cahaya di sekeliling matahari yang tiada berawal

yang telah meneguk cahaya matahari?"
Lalu kucabut pohon jiwaku yang kukuh
dan tua.

Kucabut akarnya dari tanah liat yang di
dalamnya dia telah bertunas dan
tumbuh dengan subur. Kucabut akar
dari masa lampainya, menanggalkan
kenangan seribu musim bunga dan
seribu musim gugur.

Dan kutanam sekali lagi pohon jiwaku
di tempat lain.

Kutanam dia di padang yang tempatnya
jauh dari jalan-jalan waktu.

Kulewatkan malam dengan terjaga di
sisinya, sambil berkata, "Mengamati
bersama malam yang membawa kita
mendekati kerlipan bintang."

Aku memberinya minum dengan darah
dan airmataku, sambil

berkata, "Terdapat sebentuk
keharuman dalam darah, dan dalam
airmata sebentuk kemanisan."

Tatkala musim bunga tiba, jiwaku
berbunga sekali lagi.

PADA musim panas jiwaku menyandang
buah. Tatkala musim gugur tiba,
kukumpulkan buah-buahnya yang
matang di tamam emas dan kuletakkan
di tengah jalan. Orang-orang melintas,
satu demi satu atau dalam kelompok-
kelompok, tapi tak satu pun
menghulurkan tangannya untuk
mengambil bahagiannya.

Lalu kuambil sebuah dan memakannya,
merasakan manisnya bagai madu
pilihan, lazat seperti musim bunga dari
syurga, sangat menyenangkan laksana
anggur Babylon, wangi bak wangi-
wangian dari melati.

Aku menjerit, "Orang-orang tak
mendinginkan rahmat pada mulutnya
atau kebenaran dalam usus mereka,
kerana rahmat adalah puteri airmata
dan kebenaran putera darah!"

Lalu aku beralih dan duduk di bawah
bayangan pohon sunyi jiwaku di sebuah

pun tiada berakhir, Melingkari semua
yang ada, dan bertambah secara kekal.

Jiwaku menasihati dan mengajarku
agar melihat kecantikan yang ada di
sebalik bentuk dan warna.

Jiwaku memintaku untuk menatap
semua yang buruk dengan tabah sampai
nampaklah keelokannya.

Sesungguhnya sebelum jiwaku meminta
dan menasihati,
Aku melihat keindahan seperti titik api
yang tergulung asap;
tapi sekarang asap itu telah tersebar
dan menghilang, dan aku hanya melihat
api yang membakar.

Jiwaku menasihati dan memintaku
untuk mendengar suara yang keluar
bukan dari lidah maupun dari
tenggorokan.

Sebelumnya aku hanya mendengar
teriakan dan jeritan di telingaku yang
bodoh dan sia-sia.

Tapi sekarang aku belajar mendengar
keheningan,
Yang bergema dan melantunkan lagu
dari zaman ke zaman.
Menyanyikan nada langit, dan
menyingkap tabir rahsia keabadian..

Jiwaku berkata padaku dan
menasihati agar memuaskan
kehausanku dengan meminum anggur
yang tak dituangkan ke dalam cangkir-
cangkir,
Yang belum terangkat oleh tangan, dan
tak tersentuh oleh bibir
Hingga hari itu kehausanku seperti
nyala redup yang terkubur dalam abu.
Tertiup angin dingin dari musim-musim
bunga;
Tapi sekarang kerinduan menjadi
cangkirku,

padang yang tempatnya jauh dari jalan waktu.

TENANGLAH, hatiku, hingga fajar tiba.

Tenanglah, kerana langit menghembus bau hamis kematian dan tak bisa meminum nafasmu.

Dengarkan, hatiku, dan dengarkan aku bicara.

Semalam fikiranku adalah kapal yang terumbang-ambing oleh gelombang laut dan digerakkan oleh angin dari pantai ke pantai

Kapal fikiranku kosong kecuali untuk tujuh cawan yang dilimpahi dengan warna-warna, gemilang berwarna-warni.

Sang waktu datang kala aku merasa jemu terapung-apungan di atas permukaan laut dan berkata,

"Aku akan kembali ke kapal kosong fikiranku menuju pelabuhan kota tempat aku dilahirkan."

Tatkala kerjaku selesai, kapal fikiranku

Aku mulai mengecat sisi-sisi kapalku dengan warna-warni - kuning matahari terbenam, hijau musim bunga baru, biru kubah langit, merah senjakala yang menjadi kecil. Pada layar dan kemudinya kuukirkan susuk-susuk menakjubkan, menyenangkan mata dan menyenangkan penglihatan.

Tatkala kerjaku selesai, kapal fikiranku laksana pandangan luas seorang nabi, berputar dalam ketidakterbatasan laut dan langit.

Kumasuki pelabuhan kotaku, dan orang muncul menemuiku dengan pujian dan rasa terima kasih. Mereka membawaku ke dalam kota, memukul gendang dan meniup seruling.

Ini mereka lakukan kerana bahagian luar kapalku yang dihias dengan cemerlang, tapi tak seorang pun masuk ke dalam kapal fikiranku.

Tak seorang pun bertanya apakah yang

Cinta menjadi anggurku, dan kesendirian adalah kebahagiaanku.

Jiwaku menasihati dan memintaku mencari yang tak dapat dilihat; Dan jiwaku menyingkapkan kepadaku bahwa apa yang kita sentuh adalah apa yang kita impikan.

Jiwaku mengatakan padaku dan mengundangku untuk menghirup harum tumbuhan yang tak memiliki akar, tangkai maupun bunga, dan yang tak pernah dapat dilihat mata.

Sebelum jiwaku menasihati, aku mencari bau harum dalam kebun-kebun, Dalam botol minyak wangi tumbuhan-tumbuhan dan bejana dupa; Tapi sekarang aku menyadari hanya pada dupa yang tak dibakar, Aku mencium udara lebih harum dari semua kebun-kebun di dunia ini dan semua angin di angkasa raya.

Jiwaku menasihati dan memintaku agar tidak merasa mulia kerana pujian

Dan agar tidak disusahkan oleh ketakutan kerana cacian.

Sampai hari ini aku berasa ragu akan nilai pekerjaanku;

Tapi sekarang aku belajar;

Bahawa pohon berbunga di musim bunga, dan berbuah di musim panas Dan menggugurkan daun-daunnya di musim gugur untuk menjadi benar-benar telanjang di musim dingin.

Tanpa merasa mulia dan tanpa ketakutan atau tanpa rasa malu.

Jiwaku menasihati dan meyakinkanku Bahawa aku tak lebih tinggi berbanding cebol ataupun tak lebih rendah berbanding raksasa.

Sebelumnya aku melihat manusia ada dua,

Seorang yang lemah yang aku caci atau

kubawa dari seberang lautan
 Tak seorang pun tahu kenapa aku
 kembali dengan kapal kosongku ke
 pelabuhan.
 Lalu kepada diriku sendiri, aku
 berkata, "Aku telah menyesatkan orang-
 orang, dan dengan tujuh cawan warna
 telah kudustai mata mereka"

Setelah setahun aku menaiki kapal
 fikiranku dan kulayari di laut untuk
 kedua kalinya.

Aku berlayar menuju pulau-pulau
 timur, dan mengisi kapalku dengan
 dupa dan kemenyan, pohon gaharu dan
 kayu cendana.

Aku berlayar menuju pulau-pulau
 barat, dan membawa bijih emas dan
 gading, batu merah delima dan zamrud,
 dan sulaman serta pakaian warna
 merah lembayung.

Dari pulau-pulau selatan aku kembali
 dengan rantai dan pedang tajam,
 tombak-tombak panjang, serta
 beraneka jenis senjata.

Aku mengisi kapal fikiranku dengan
 harta benda dan barang-barang lhasil
 bumi dan kembali ke pelabuhan kotaku,
 sambil berkata, "Orang-orangku pasti
 akan memujiku, memang sudah
 pastinya. Mereka akan menggendongku
 ke dalam kota sambil menyanyi dan
 meniup trompet"

Tapi ketika aku tiba di pelabuhan, tak
 seorangpun keluar menemuiku. Ketika
 kumasuki jalan-jalan kota, tak seorang
 pun memerhatikan diriku.

Aku berdiri di alun-alun sambil
 mengutuk pada orang-orang bahawa
 aku membawa buah dan kekayaan bumi.
 Mereka memandangkanku, mulutnya penuh
 tawa, cemuan pada wajah mereka.

Lalu mereka berpaling dariku.

Aku kembali ke pelabuhan, kesal dan
 bingung. Tak lama kemudian aku
 melihat kapalku. Maka aku melihat
 perjuangan dan harapan dari

kukasihani,
 Dan seorang yang kuat yang kuikuti,
 maupun yang kulawan
 dalam pemberontakan.

Tapi sekarang aku tahu bahawa aku
 bahkan dibentuk oleh tanah
 yang sama darimana semua manusia
 diciptakan.

Bahwa unsur-unsurku adalah unsur-
 unsur mereka, dan pengembaraan
 mereka adalah juga milikku.

Bila mereka melanggar aku juga
 melanggar,

Dan bila mereka berbuat baik, maka
 aku juga bersama perbuatan baik
 mereka.

Bila mereka bangkit, aku juga bangkit
 bersama mereka;

Bila mereka tinggal di belakang, aku
 juga menemani mereka.

Jiwaku menasihatiku dan
 memerintahku untuk melihat bahawa
 cahaya yang kubawa bukanlah cahayaku,

Bahawa laguku tidak diciptakan dalam
 diriku;

Kerana meski aku berjalan dengan
 cahaya, aku bukanlah cahaya,
 Dan meskipun aku bermain kecapi yang
 diikat kemas oleh dawai-dawaiku,
 Aku bukanlah pemain kecapi.

Jiwaku menasihatiku dan
 mengingatkanku untuk mengukur waktu
 dengan perkataan ini: "Di sana ada hari
 semalam dan di sana ada hari esok."
 Pada saat itu aku menganggap masa
 lampau sebuah zaman yang lenyap dan
 akan dilupakan, Dan masa depan
 kuanggap suatu masa yang tak bisa
 kucapai;

Tapi kini aku terdidik perkara ini :
 Bahawa dalam keseluruhan waktu masa
 kini yang singkat, serta semua yang

perjalananku yang menghalangi perhatianku. Aku menjerit. Gelombang laut telah mencuri cat dari sisi-sisi kapalku, tak meninggalkan apa pun kecuali tulang belulang yang bertaburan.

Angin, badai dan terik matahari telah menghapus lukisan-lukisan dari layar, memudahkan ia seperti pakaian berwarna kelabu dan usang. Kukumpulkan barang-barang hasil dan kekayaan bumi ke dalam sebuah perahu yang terapung di atas permukaan air. Aku kembali ke orang-orangku, tapi mereka menolak diriku kerana mata mereka hanya melihat bahagian luar. Pada saat itu kutinggalkan kapal fikiranku dan pergi ke kota kematian. Aku duduk di antara kuburan-kuburan yang bercat kapur, merenungkan rahsia-rahsianya.

TENANGLAH, hatiku, hingga fajar tiba.

Tenanglah, meskipun prahara yang mengamuk mencerca bisikan-bisikan batinmu, dan gua-gua lembah takkan menggemakan bunyi suaramu.

Tenanglah, hatiku, hingga fajar tiba. Kerana dia yang menantikan dengan sabar hingga fajar, pagi hari akan memeluknya dengan semangat.

NUN di sana! Fajar merekah, hatiku. Bicaralah, jika kau mampu bicara!

I tulah arak-arakan sang fajar, hatiku! Akankah hening malam melumpuhkan kedalaman hatimu yang menyanyi menyambut fajar?

Lihatlah kawanannya merpati dan burung murai melayang di atas lembah.

Akankah kengerian malam menghalangi engkau untuk menduduki sayap bersama mereka?

Para pengembala memandu kawanannya dombanya dari tempat ternak dan kandang.

Akankah roh-roh malam

ada dalam waktu, Harus diraih sampai dapat.

Jiwaku menasihatiku, saudaraku, dan menerangiku.

Dan seringkali jiwamu menasihati dan menerangimu.

Kerana engkau seperti diriku, dan tak ada beza di antara kita.

Kusimpan apa yang kukatakan dalam diriku ini dalam kata-kata yang kudengar dalam heningku,

Dan engkau jagalah apa yang ada di dalam dirimu, dan engkau adalah penjaga yang sama baiknya seperti yang kukatakan ini.

:+: Khalil Gibran :+:

IBU

Ibu adalah segalanya, dialah penghibur di dalam kesedihan.

Pemberi harapan di dalam penderitaan, dan pemberi kekuatan di dalam kelemahan.

Dialah sumber cinta, belas kasihan, simpati dan pengampunan.

Manusia yang kehilangan ibunya bererti kehilangan jiwa sejati yang memberi berkat dan menjaganya tanpa henti.

Segala sesuatu di alam ini melukiskan tentang susuk ibu.

Matahari adalah ibu dari planet bumi yang memberikan makanannya dengan pancaran panasnya.

Matahari tak pernah meninggalkan alam semesta pada malam hari sampai matahari meminta bumi untuk tidur sejenak di dalam nyanyian lautan dan siulan burung-burung dan anak-anak sungai.

menghalangimu untuk mengikuti mereka ke padang rumput hijau? Anak lelaki dan perempuan bergegas menuju kebun anggur. Kenapa kau tak berganjak dan berjalan bersama mereka?

Bangkitlah, hatiku, bangkit dan berjalan bersama fajar, kerana malam telah berlalu. Ketakutan malam lenyap bersama mimpi gelapnya.

Bangkitlah, hatiku, dan lantangkan suaramu dalam nyanyian, kerana hanya anak-anak kegelapan yang gagal menyatu ke dalam nyanyian sang fajar.

:+: Khalil Gibran :+:

7 ALASAN MENCELA DIRI

Tujuh kali aku pernah mencela jiwaku, pertama kali ketika aku melihatnya lemah, padahal seharusnya ia bisa kuat.

Kedua kali ketika melihatnya berjalan terjongket-jongket dihadapan orang yang lumpuh

Ketiga kali ketika berhadapan dengan pilihan yang sulit dan mudah ia memilih yang mudah

Keempat kalinya, ketika ia melakukan kesalahan dan cuba menghibur diri dengan mengatakan bahawa semua orang juga melakukan kesalahan

Kelima kali, ia menghindar kerana takut, lalu mengatakannya sebagai sabar

Keenam kali, ketika ia mengejek kepada seraut wajah buruk padahal ia tahu, bahawa wajah itu adalah salah satu topeng yang sering ia pakai

Dan ketujuh, ketika ia menyanyikan

Dan Bumi ini adalah ibu dari pepohonan dan bunga-bunga menjadi ibu yang baik bagi buah-buahan dan biji-bijian. Ibu sebagai pembentuk dasar dari seluruh kewujudan dan adalah roh kekal, penuh dengan keindahan dan cinta.

:+: Khalil Gibran :+:

LAGU OMBAK

Pantai yang perkasa adalah kekasihku, Dan aku adalah kekasihnya, Akhirnya kami dipertautkan oleh cinta, Namun kemudian Bulan menjarakkan aku darinya.

Kupergi padanya dengan cepat Lalu berpisah dengan berat hati. Membisikkan selamat tinggal berulang kali.

Aku segera bergerak diam-diam Dari balik kebiruan cakerawala Untuk mengayunkan sinar keperakan buihku

Ke pangkuan keemasan pasirnya Dan kami berpadu dalam adunan terindah.

Aku lepaskan kehausannya Dan nafasku memenuhi segenap relung hatinya Dia melembutkan suaraku dan mereda gelora di dada.

Kala fajar tiba, kuucapkan prinsip cinta di telinganya, dan dia memelukku penuh damba

Di terik siang kunyanyikan dia lagu harapan Diiringi kucupan-kucupan kasih sayang Gerakku pantas diwarnai kebimbangan Sedangkan dia tetap sabar dan tenang. Dadanya yang bidang meneduhkan kegelisahan

lagu pujian dan menganggap itu sebagai
suatu yang bermanfaat

:+: Kahlil Gibran :+:

Kala air pasang kami saling memeluk
Kala surut aku berlutut menjamah
kakinya
Memanjatkan doa

Seribu sayang, aku selalu berjaga
sendiri
Menyusut kekuatanku.
Tetapi aku pemuja cinta,
Dan kebenaran cinta itu sendiri
perkasa,
Mungkin kelelahan akan menimpaku,
Namun tiada aku bakal binasa.

:+: Kahlil Gibran :+:

Penghargaan : Terima kasih tak terhingga buat Tati, Indra, Agus ,
Hendra dan Desy karena kalian sanggup bersusah payah membantu aku
mengumpul hasil karya pujangga Kahlil Gibran. Jasa kamu tak akan aku
lupa sih! Anna senantiasa sayang ama kamu....

[Index Khalil Gibran](#) :: [Laman 1](#) :: [Laman 2](#) :: [Laman 3](#) :: [Laman 4](#) :: [Laman 5](#) :: [Laman 6](#) :: [Mutiar
Kata Khalil Gibran](#)

[Laman Utama](#) :: [Sajak](#) :: [Cerpen](#) :: [Aneka Tips](#) :: [Forum](#) :: [Buku Tetamu](#)

Buat FR, yang tetap sabar melayani kedegilanku...